



2 Mei 2025
2 May 2025
P.U. (A) 144

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH PERDAGANGAN STRATEGIK
(BARANG STRATEGIK) (PINDAAN) 2025

*STRATEGIC TRADE (STRATEGIC ITEMS)
(AMENDMENT) ORDER 2025*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERDAGANGAN STRATEGIK 2010

PERINTAH PERDAGANGAN STRATEGIK (BARANG STRATEGIK) (PINDAAN) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Perdagangan Strategik 2010 [*Akta 708*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perdagangan Strategik (Barang Strategik) (Pindaan) 2025**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 2 Jun 2025.

Pindaan Jadual

2. Perintah Perdagangan Strategik (Barang Strategik) 2010 [*P.U. (A) 485/2010*], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam Jadual—

(a) dalam Bahagian 1: Senarai Barang Ketenteraan—

(i) berhubung dengan Kod Kategori ML1, dalam ruang Nota—

(A) dengan memasukkan selepas nota d nota teknikal yang berikut:

“Nota Teknikal:

‘Senjata api yang telah dinyahaktifkan’ ialah senjata api yang telah dijadikan tidak berupaya untuk menembak apa-apa projektil melalui proses yang ditakrifkan oleh pihak berkuasa kebangsaan Negara-Negara Anggota EU atau Negara-Negara yang menyertai Perkiraan Wassenaar. Proses ini mengubah secara kekal elemen penting dalam senjata api. Menurut undang-undang dan

peraturan-peraturan negara, penyahaktifan senjata api itu boleh diakusaksikan oleh perakuan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang kompeten dan boleh ditandakan pada senjata api dengan setem pada bahagian penting.”;

(B) dengan memotong nota e;

(C) berkenaan dengan butiran a—

(i) dengan menggantikan noktah di hujung nota d dengan koma bernoktah; dan

(ii) dengan memasukkan selepas nota d nota yang berikut:

“e. Pistol yang direka khas untuk:

1. penyembelihan haiwan domestik;
atau

2. menenangkan haiwan.”; dan

(D) dengan memasukkan dalam ruang Nota yang terdapat bersetentangan dengan subbutiran d.3 dalam ruang Perihaln Barang nota teknikal yang berikut:

“Nota Teknikal:

Bagi tujuan ML1.d.3, ‘cagak pistol’ ialah lekapan yang direkabentuk untuk mencagak pistol kepada kenderaan darat, ‘pesawat udara’, kapal atau struktur.”;

- (ii) berhubung dengan Kod Kategori ML2, berkenaan dengan butiran a, dalam ruang Perihalhan Barang, dengan memotong perkataan “dan peranti pengurang pengenalannya”;
- (iii) berhubung dengan Kod Kategori ML4, dalam ruang Nota—
- (A) berkenaan dengan butiran a, dengan memasukkan selepas nota b nota yang berikut:
- “N.B.: Untuk bom tangan atau kanister amunisi untuk senjata atau projektor yang dinyatakan dalam ML1 atau ML2 dan submunisi yang direka bentuk khas untuk amunisi, lihat ML3”; dan
- (B) berkenaan dengan butiran b, dalam Nota 1.a, dengan memotong perkataan “yang berupaya untuk menghasilkan 1,000 kg atau lebih gas dalam bentuk cecair sehari”;
- (iv) berhubung dengan Kod Kategori ML5 dalam ruang Perihalhan Barang, dalam subbutiran b.2, dengan memotong perkataan “dan”;
- (v) dengan menggantikan Kod Kategori ML6 dengan kod kategori yang berikut:

| <i>Kod Kategori</i> | <i>Perihalhan Barang</i> | <i>Nota</i> | <i>Pihak Berkuasa yang Berkenaan</i> |
|---------------------|---|---|--------------------------------------|
| “ML6 | Kenderaan darat dan komponennya, seperti yang berikut: a. Kenderaan darat dan komponennya, yang direka bentuk khas atau diubah suai khas untuk kegunaan ketenteraan; | N.B.: Untuk peralatan panduan dan navigasi, lihat ML11. Nota 1: ML6.a termasuklah— a. Kereta kebal dan kenderaan persenjataan ketenteraan lain dan kenderaan ketenteraan yang dilengkapi dengan penyangga | Pengawal” |

| <i>Kod Kategori</i> | <i>Perihal Barang</i> | <i>Nota</i> | <i>Pihak Berkuasa yang Berkenaan</i> |
|---------------------|---|--|--------------------------------------|
| | <p>b. Kenderaan darat dan komponen lain, seperti yang berikut:</p> <p>1. Kenderaan yang mempunyai kesemua yang berikut:</p> | <p>senjata atau peralatan untuk memasang periuk api atau pelancaran munisi yang dinyatakan dalam ML4;</p> <p>b. Kereta perisai;</p> <p>c. Kenderaan amfibia dan kenderaan harungan dalam air;</p> <p>d. Kenderaan pemulihan dan kenderaan untuk menunda atau mengangkut amunisi atau sistem senjata dan peralatan pengendalian beban yang berkaitan;</p> <p>e. Treler.</p> <p>Nota 2: Pengubahsuaian kenderaan darat untuk kegunaan ketenteraan yang dinyatakan dalam ML6.a yang memerlukan perubahan struktur, elektrik atau mekanikal melibatkan satu atau lebih komponen yang direka bentuk khas untuk kegunaan ketenteraan. Komponen tersebut termasuklah—</p> <p>a. Selongsong tayar pneumatik daripada jenis yang direka bentuk khas menjadi kalis peluru;</p> <p>b. Perlindungan perisai bahagian penting, (contoh tangki minyak atau ruang pandu kenderaan);</p> <p>c. Pengukuhan khas atau pelekapan senjata;</p> <p>d. Pencahayaan semasa gelap.</p> | |

| <i>Kod Kategori</i> | <i>Perihal Barang</i> | <i>Nota</i> | <i>Pihak Berkuasa yang Berkenaan</i> |
|---------------------|---|---|--------------------------------------|
| | <p>a. Dibuat atau dilengkapkan dengan bahan-bahan atau komponen untuk memberikan perlindungan balistik bersamaan dengan atau lebih baik daripada tahap III (NIJ 0108.01, September 1985), atau piawaian kebangsaan yang setara;</p> <p>b. Transmisi yang memberi pacuan kepada kedua-dua tayar hadapan dan belakang secara serentak, termasuk kenderaan yang mempunyai bilangan tayar tambahan bagi tujuan muatan beban sama ada dipandu atau tidak;</p> <p>c. Kadar Berat Kasar Kenderaan (GVWR) lebih berat daripada 4,500 kg; dan</p> <p>d. Direka bentuk atau diubah suai untuk kegunaan luar jalan;</p> <p>2. Komponen yang mempunyai kesemua yang berikut:</p> <p>a. Direka bentuk khas bagi kenderaan yang dinyatakan dalam ML6.b.1; dan</p> <p>b. Memberikan perlindungan balistik bersamaan dengan atau lebih baik daripada tahap III (NIJ 0108.01, September 1985), atau piawaian kebangsaan yang setara.</p> | <p>N.B.: Lihat juga ML13.a.</p> <p>Nota 1: ML6 tidak terpakai bagi kenderaan awam yang direka bentuk atau diubah suai untuk mengangkut wang atau barang bernilai.</p> | |

| <i>Kod Kategori</i> | <i>Perihalhan Barang</i> | <i>Nota</i> | <i>Pihak Berkuasa yang Berkenaan</i> |
|---------------------|--------------------------|---|--------------------------------------|
| | | Nota 2: ML6 tidak terpakai bagi kenderaan yang memenuhi kesemua yang berikut: <ul style="list-style-type: none"> a. Dibuat sebelum 1946; b. Tidak mempunyai barang yang dinyatakan dalam Senarai Barang Ketenteraan dan dibuat selepas tahun 1945, kecuali pengeluaran semula komponen atau aksesori asal bagi kenderaan itu; dan c. Tidak mempunyai senjata yang dinyatakan dalam ML1, ML2 atau ML4 melainkan jika ia tidak berfungsi dan tidak berupaya untuk melancarkan projektil. | |

- (vi) berhubung dengan Kod Kategori ML8, berkenaan dengan subsubbutiran c.12.c, dalam ruang Nota, dengan memasukkan nota yang berikut:

“Nota: ML8.c.12 termasuk *thermites*.”;

- (vii) berhubung dengan Kod Kategori ML11, dalam ruang Perihalhan Barang, dengan menggantikan butiran b dengan butiran yang berikut:

“b. Peralatan penyesakan yang direka atau diubah suai untuk menghalang penerimaan, operasi atau keberkesanan perkhidmatan penentuan kedudukan, navigasi atau pemasaan yang disediakan oleh ‘sistem navigasi satelit’, dan komponen yang direka khas;” dan

(viii) berhubung dengan Kod Kategori ML13—

(A) dalam ruang Perihalhan Barang—

(i) dengan menggantikan perkataan “pembinaan dan komponen,” dengan perkataan “pembinaan, komponen dan aksesori,”;

(ii) dengan menggantikan butiran c dengan butiran yang berikut:

“c. Topi keledar dan komponen serta aksesori yang direka khas untuknya, seperti yang berikut:

1. Topi keledar yang dibuat mengikut piawaian atau spesifikasi ketenteraan, atau piawaian kebangsaan yang setara;

2. Kelompok, pelapik atau pad selesa, direka khas untuk topi keledar yang dinyatakan dalam ML13.c.1;

3. Elemen perlindungan balistik tambahan, direka khas untuk topi keledar yang dinyatakan dalam ML13.c.1”; dan

(iii) dalam subbutiran d.2, dengan menggantikan perkataan “standard kebangsaan yang setara” dengan perkataan “piawaian kebangsaan yang setara”; dan

(B) dalam ruang Nota—

- (i) dalam Nota 4, dengan menggantikan perkataan “ML13.” dengan perkataan “ML13.c”; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas Nota 4 nota yang berikut:

“Nota 5: ML13.d.1 tidak terpakai bagi cermin mata pelindung.

N.B: Bagi cermin mata pelindung laser, lihat ML17.o”;

(b) dalam Bahagian 2: Senarai Barang Dwi-Guna—

- (i) berhubung dengan Nota Umum kepada Bahagian 2, dalam Nota 4, dengan menggantikan perkataan “(termasuk hidrat)” dengan perkataan “(termasuk hidrat, bentuk isotop yang berlabel atau semua kemungkinan stereoisomer)”;
- (ii) berhubung dengan Kategori 1 - Bahan khas dan peralatan yang berkaitan—
 - (A) berkenaan dengan Kod Kategori 1A004, dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal, dengan menggantikan perkataan “ ‘Pengesanan surih’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 1A004.d., ‘pengesanan surih’ ”;
 - (B) berkenaan dengan Kod Kategori 1A008, dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal, dengan menggantikan perkataan “ ‘Pengecas berbentuk’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 1A008.a., ‘pengecas berbentuk’ ”;

- (C) berkenaan dengan Kod Kategori 1B001, dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal 1, dengan menggantikan perkataan “program” dengan perkataan ‘ “program” ’;
- (D) berkenaan dengan Kod Kategori 1C001, dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “Sampel ujian penyerapan bagi 1C001.a Nota 1.c.1.” dengan perkataan “Bagi maksud 1C001.a. Nota: 1.c.1., sampel ujian penyerapan”;
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “ ‘Open-cell foams’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 1C001.a. Nota 1.e., ‘open-cell foams’ ”; dan
 - (iii) dengan menggantikan perkataan “ ‘Kekonduksian elektrik pukal’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 1C001.c., ‘kekonduksian elektrik pukal’ ”;
- (E) berkenaan dengan Kod Kategori 1C002, dalam ruang Nota—
 - (i) dengan menggantikan Nota Teknikal 1 dengan nota teknikal yang berikut:
 - “1. Bagi maksud 1C002, aloi logam adalah yang mengandungi peratusan lebih tinggi mengikut berat logam yang ditentukan berbanding peratusan mana-mana unsur lain.”;
 - (ii) dengan memotong Nota Teknikal 2 dan 3;

- (iii) dengan memasukkan bersetentangan dengan butiran b nota teknikal yang berikut:

“Nota Teknikal:

Bagi maksud 1C002.b.:

1. ‘Hayat tegasan-pecah’ harus diukur mengikut piawaian ASTM E-139 atau piawaian kebangsaan yang setara.
2. ‘Hayat kelesuan kitaran rendah’ harus diukur mengikut piawaian ASTM E-606 ‘Amalan Saranan untuk Ujian Kelesuan Amplitud-Malar Kitaran-Rendah’ atau piawaian kebangsaan yang setara. Ujian harus seimbang dengan purata nisbah tegasan sama dengan 1 dan faktor tumpuan tegasan (K_t) sama dengan 1. Tegasan purata ditakrifkan sebagai tegasan maksimum tolak tegasan minimum dibahagi dengan tegasan maksimum.”;

- (iv) dalam Nota Teknikal, dalam butiran c, dengan menggantikan perkataan “X” dengan perkataan “Bagi maksud 1C002.c.1., X”;

(v) dengan menggantikan butiran:

“Nota Teknikal:

1. “Pengatoman hampagas” adalah satu proses untuk mengurangkan lelehan lebur logam kepada titisan yang berdiameter 500 μm atau kurang dengan menggunakan pelepasan deras gas terlarut sebaik sahaja didedahkan kepada hampagas.”

dengan butiran yang berikut:

“Nota Teknikal:

Bagi maksud 1C002:

1. “Pengatoman hampagas” adalah satu proses untuk mengurangkan lelehan lebur logam kepada titisan yang berdiameter 500 μm atau kurang dengan menggunakan pelepasan deras gas terlarut sebaik sahaja didedahkan kepada hampagas.”; dan

(vi) dalam Nota Teknikal 10, dengan menggantikan perkataan ‘ “Membeku dengan pantas” ’ dengan perkataan “Bagi maksud 1C002 Nota Teknikal, “membeku dengan pantas” ”;

- (F) berkenaan dengan Kod Kategori 1C003, dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal—
- (i) dengan menggantikan perkataan “Pengukuran kebolehtelapan awal” dengan perkataan “Bagi maksud 1C003.a., pengukuran kebolehtelapan awal”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “Bahan ‘nanokristalina’ dalam 1C003.c.” dengan perkataan “Bagi maksud 1C003.c., bahan ‘nanokristalina’ ”;
- (G) berkenaan dengan Kod Kategori 1C008, dalam ruang Nota, dengan menggantikan Nota Teknikal dengan nota teknikal yang berikut:

“Nota Teknikal:

1. Bagi maksud 1C008.a.2. bahan termoplastik, 1C008.a.4. bahan dan 1C008.f. bahan, ‘suhu peralihan kaca (T_g)’ ditentukan menggunakan kaedah yang diterangkan dalam ISO 11357-2:1999 atau piawaian kebangsaan yang setara.
2. Bagi maksud 1C008.a.2. bahan thermosetting dan 1C008.a.3. bahan, ‘suhu peralihan kaca (T_g)’ ditentukan menggunakan kaedah selekoh 3-mata yang diterangkan dalam ASTM D 7028-07 atau piawaian kebangsaan yang setara. Ujian ini dilakukan dengan menggunakan spesimen ujian kering yang telah mencapai sekurang-kurangnya

tahap 90% daripada pengawetan sebagaimana yang dinyatakan dalam ASTM E 2160-04 atau piawaian kebangsaan yang setara, dan telah diawet menggunakan gabungan proses standard dan pasca-awet yang menghasilkan T_g tertinggi.”;

- (H) berkenaan dengan Kod Kategori 1C010, dalam ruang Nota—
- (i) dalam Nota Teknikal 1, dengan menggantikan perkataan “ ‘kekuatan tegangan tentu’, ‘modulus tentu’ atau berat tertentu ‘bahan bergentian atau berfilamen’ ” dengan perkataan “ ‘kekuatan tegangan tentu’, “modulus tentu” atau berat tertentu “bahan bergentian atau berfilamen” ”;
 - (ii) dalam Nota Teknikal 2 dengan menggantikan perkataan “Menilai ‘kekuatan tegangan tentu’, ‘modulus tentu’ atau berat tertentu ‘bahan bergentian atau berfilamen’ bukan satu arah” dengan perkataan “Bagi maksud menilai “kekuatan tegangan tentu”, “modulus tentu” atau berat tertentu “bahan bergentian atau berfilamen” bukan satu arah”;
 - (iii) dalam Nota Teknikal, dalam subbutiran d.2, dengan menggantikan perkataan ‘ “Tercampur” ’ dengan perkataan “Bagi maksud 1C010.d.2., ‘tercampur’ ”;
 - (iv) dalam Nota Teknikal 1, dalam butiran e, dengan menggantikan perkataan ‘ “Prabentuk gentian karbon” ’ dengan perkataan ‘Bagi maksud 1C010.e. dan Nota 1, “prabentuk gentian karbon” ’; dan

- (v) dalam Nota Teknikal 2, dalam butiran e, dengan menggantikan perkataan ‘ “Suhu peralihan kaca Analisis Mekanikal Dinamik (DMA T_g)” ’ dengan perkataan “Bagi maksud bahan 1C010.e.2., ‘suhu peralihan kaca Analisis Mekanikal Dinamik (DMA T_g)’ ”;
 - (I) berkenaan dengan Kod Kategori 1C011, dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal, dengan menggantikan perkataan “Kandungan semulajadi hafnium” dengan perkataan “Bagi maksud 1C011.a., kandungan semulajadi hafnium”; dan
 - (J) berkenaan dengan Kod Kategori 1C012, dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal, dengan menggantikan perkataan “Bahan ini kebiasaannya digunakan” dengan perkataan “Bagi maksud 1C012, bahan ini kebiasaannya digunakan”;
- (iii) berhubung dengan Kategori 2 – Pemprosesan bahan—
- (A) berkenaan dengan Kod Kategori 2A001, dalam ruang Nota, dengan menggantikan perkataan “Nota Teknikal:” dengan perkataan yang berikut:

“Nota Teknikal:

Bagi maksud 2A001.a.”;
 - (B) berkenaan dengan Kod Kategori 2B, dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal 1, dengan menggantikan perkataan “Paksi pengkonturan selari sekunder” dengan perkataan “Bagi maksud 2B, paksi pengkonturan selari sekunder,”;

- (C) berkenaan dengan Kod Kategori 2B004, dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal, dengan menggantikan perkataan “Kebuk dimensi dalaman” dengan perkataan “Bagi maksud 2B004, kebuk dimensi dalaman”;
- (D) berkenaan dengan Kod Kategori 2B006, dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal, dengan menggantikan perkataan “ $E_{0, MPE}$ ” dengan perkataan “Bagi maksud 2B006.a, $E_{0, MPE}$ ”;
- (E) berkenaan dengan Kod Kategori 2B008, dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal, dengan menggantikan perkataan “ ‘Meja putar majmuk’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 2B008.c, ‘meja putar majmuk’ ”;
- (F) berkenaan dengan Kod Kategori 2B209, dalam ruang Perihaln Barang, dalam butiran b, dengan menggantikan perkataan “400mm” dengan perkataan “650 mm”;
- (G) berkenaan dengan Kod Kategori 2B228, dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal 1, dengan menggantikan perkataan “400mm” dengan perkataan “650 mm”; dan
- (H) berkenaan dengan Kod Kategori 2E003—
 - (i) dalam ruang Perihaln Barang, dengan menggantikan subbutiran b.2 dengan subbutiran yang berikut:

“2. Tidak digunakan.”;

- (ii) dalam ruang Nota, dengan menggantikan Nota Teknikal dengan nota teknikal yang berikut:

“Nota Teknikal:

Bagi tujuan 2E003.b.1.c., “tekanan hidraulik tindakan-terus” ialah proses ubah bentuk yang menggunakan pundi fleksibel yang dipenuhi bendalir dalam hubungan langsung dengan bahan kerja.”; dan

- (iii) dengan memasukkan dalam ruang Nota yang terdapat bersetentangan dengan subbutiran b.2 dalam ruang Perihaln Barang nota yang berikut:

“N.B.: Bagi “teknologi” untuk proses pembuatan kerja logam untuk enjin dan komponen turbin gas, lihat 9E003 dan Senarai Barangan Ketenteraan.”;

- (iv) berhubung dengan Kategori 3 – Elektronik—

- (A) berkenaan dengan Kod Kategori 3A001, dalam ruang Nota—

- (i) dalam Nota Teknikal, dalam subbutiran a.2, dengan menggantikan perkataan ‘ “Memori yang tidak berubah” ’ dengan perkataan “Bagi maksud 3A001.a.2., ‘memori yang tidak berubah’ ”;

- (ii) dalam Nota Teknikal, dalam subsubbutiran a.5.a, dengan menggantikan perkataan “Nota Teknikal:” dengan perkataan yang berikut:

“Nota Teknikal:

Bagi maksud 3A001.a.5.a.”;

- (iii) dalam Nota Teknikal, dalam subsubbutiran a.5.b, dengan menggantikan perkataan “Nota Teknikal:” dengan perkataan yang berikut:

“Nota Teknikal:

Bagi maksud 3A001.a.5.b.”;

- (iv) dalam Nota Teknikal, dalam subbutiran a.7, dengan menggantikan perkataan “Nota Teknikal:” dengan perkataan yang berikut:

“Nota Teknikal:

Bagi maksud 3A001.a.7.”;

- (v) dalam Nota Teknikal, dalam subbutiran a.12, dengan menggantikan perkataan “Apabila N sama dengan 1,024 titik,” dengan perkataan “Bagi maksud 3A001.a.12., apabila N sama dengan 1,024 titik,”;

- (vi) dalam Nota Teknikal, dalam subbutiran a.13, dengan menggantikan perkataan “Frekuensi jam DAC” dengan perkataan “Bagi maksud 3A001.a.13., frekuensi jam DAC”;

- (vii) dalam Nota Teknikal, dalam subbutiran a.14, dengan menggantikan perkataan “Nota Teknikal:” dengan perkataan yang berikut:

“Nota Teknikal:

Bagi maksud 3A001.a.14.:”;

- (viii) dalam Nota Teknikal, dalam subsubbutiran b.1.d, dengan menggantikan perkataan “ ‘Mod dwi’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 3A001.b.1.d., ‘mod dwi’ ”;

- (ix) dalam Nota Teknikal, dalam subbutiran b.9, dengan menggantikan perkataan “Nota Teknikal:” dengan perkataan yang berikut:

“Nota Teknikal:

Bagi maksud 3A001.b.9.:”;

- (x) dalam Nota Teknikal, dalam subbutiran b.10, dengan menggantikan perkataan “Dalam 3A001.b.10, ” dengan perkataan “Bagi maksud 3A001.b.10.,”;

- (xi) dalam Nota Teknikal, dalam subbutiran b.11, dengan menggantikan perkataan “ ‘Pengsintesis frekuensi’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 3A001.b.11., ‘pengsintesis frekuensi’ ”;

- (xii) dalam Nota Teknikal, dalam subbutiran b.12, dengan menggantikan perkataan “Nota Teknikal:” dengan perkataan yang berikut:

“Nota Teknikal:

Bagi maksud 3A001.b.12.:”;

- (xiii) dalam Nota Teknikal, dalam subbutiran c.1, dengan menggantikan perkataan “ ‘Penolakan cuping sisi frekuensi’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 3A001.c.1., ‘penolakan cuping sisi frekuensi’ ”; dan

- (xiv) dalam Nota Teknikal, dalam subbutiran e.4, dengan menggantikan perkataan “ ‘AM0’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 3A001.e.4., “AM0” ”;

(B) berkenaan dengan Kod Kategori 3A002, dalam ruang Nota—

- (i) dalam Nota Teknikal, dalam subbutiran a.6, dengan menggantikan perkataan “Nota Teknikal:” dengan perkataan yang berikut:

“Nota Teknikal:

Bagi maksud 3A002.a.6.:”;

- (ii) dalam Nota Teknikal 1, dalam subsubbutiran c.4.a, dengan menggantikan perkataan “ ‘Jalur lebar sepanjang masa’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 3A002.c.4.a., ‘jalur lebar masa nyata’ ”;

- (iii) dalam Nota Teknikal 2, dalam subsubsubbutiran c.4.b.1, dengan menggantikan perkataan “Kebarangkalian penemuan dalam 3A002.c.4.b.” dengan perkataan “Bagi maksud 3A002.c.4.b.1., kebarangkalian penemuan”;
- (iv) dalam Nota Teknikal 3, dalam subsubsubbutiran c.4.b.1, dengan menggantikan perkataan “3A002.c.4.b.” dengan perkataan “3A002.c.4.b.1.”;
- (v) dalam Nota Teknikal 4, dalam subsubsubbutiran c.4.b.2, dengan menggantikan perkataan “ ‘Pemicu masker frekuensi’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 3A002.c.4.b.2., ‘pemicu masker frekuensi’ ”;
- (vi) dalam Nota Teknikal, dalam subbutiran d.4, dengan menggantikan perkataan “Dalam 3A002.d.4.,” dengan perkataan “Bagi maksud 3A002.d.4.”;
- (vii) dalam Nota Teknikal, dalam subbutiran d.5, dengan menggantikan perkataan “ ‘Lebar jalur modulasi RF’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 3A002.d.5., ‘lebar jalur modulasi RF’ ”;
- (viii) dalam Nota Teknikal 1, dengan menggantikan perkataan “Frekuensi maksimum” dengan perkataan “Bagi maksud 3A002.d., frekuensi maksimum”;

- (ix) dalam Nota Teknikal, dalam subbutiran e.3, dengan menggantikan perkataan “ ‘Fungsi pengukuran vektor bukan linear’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 3A002.e.3., ‘fungsi pengukuran vektor bukan linear’ ”; dan
- (x) dalam butiran h, dengan menggantikan perkataan “Nota Teknikal:” dengan perkataan yang berikut:

“Nota Teknikal:

Bagi maksud 3A002.h.:”;

- (C) berkenaan dengan Kod Kategori 3B001—

- (i) dalam ruang Nota—

- (A) dalam Nota Teknikal 1, dengan menggantikan perkataan “3B001.e.” dengan perkataan “3B001.e.1.”;
- (B) dalam Nota Teknikal 2, dengan menggantikan perkataan “3B001.e.” dengan perkataan “3B001.e.2.”; dan
- (C) dalam Nota Teknikal, dengan menggantikan perkataan “ ‘Saiz Ciri Teresolusikan Minimum’ (MRF)” dengan perkataan “Bagi maksud 3B001.f.1.b., ‘Saiz Ciri Teresolusikan Minimum’ (MRF)”;

(ii) dalam ruang Perihalalan Barang—

(A) dalam butiran i, dengan menggantikan noktah di hujung perkataan “3A001” dengan koma bernoktah; dan

(B) dengan memasukkan selepas butiran i butiran yang berikut:

“j. Topeng “substrat kosong” dengan struktur pemantul berbilang lapisan yang terdiri daripada molibdenum dan silikon, dan mempunyai semua yang berikut:

1. Direka khas untuk litografi ‘Ultra Ungu Ekstrem’ (‘EUV’); dan

2. Mematuhi Standard SEMI P37.”; dan

(iii) dengan memasukkan dalam ruang Nota yang terdapat bersebelahan dengan butiran j dalam ruang Perihalalan Barang nota yang berikut:

“Nota Teknikal:

Bagi maksud 3B001.j., ‘Ultra Ungu Ekstrem’ (‘EUV’) merujuk kepada panjang gelombang spektrum elektromagnet lebih daripada 5 nm dan kurang daripada 124 nm.”;

(D) berkenaan dengan Kod Kategori 3D003, dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal, dengan menggantikan perkataan “ ‘Litografi berkomputer’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 3D003, ‘litografi berkomputer’ ”;

(E) dengan memasukkan selepas Kod Kategori 3D005 kod kategori yang berikut:

| <i>Kod Kategori</i> | <i>Perihal Barang</i> | <i>Nota</i> | <i>Pihak Berkuasa yang Berkenaan</i> |
|---------------------|---|--|--------------------------------------|
| 3D006 | <p>‘Elektronik Komputer-Bantuan Reka Bentuk’ (‘ECAD’) “perisian” direka khas untuk “pembangunan” litar bersepadu yang mempunyai mana-mana “<i>Transistor Kesan Medan Get Sekitar</i>” (“<i>GAAFET</i>”) struktur, dan mempunyai mana-mana yang berikut:</p> <p>a. Direka khas untuk melaksanakan ‘<i>Tahap Daftar Pemandahan</i>’ (‘<i>RTL</i>’) kepada ‘<i>Piawaian Pangkalan Data Geometri II</i>’ (‘<i>GDSII</i>’) atau piawaian kebangsaan yang setara; atau</p> <p>b. Direka khas untuk pengoptimuman kuasa atau peraturan pemasaan.</p> | <p>Nota Teknikal:</p> <p>Bagi maksud 3D006:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. ‘Elektronik Komputer-Bantuan Reka Bentuk’ (‘ECAD’) ialah kategori alat “perisian” yang digunakan untuk mereka bentuk, menganalisis, mengoptimumkan, dan mengesahkan prestasi litar bersepadu atau papan litar bercetak. 2. ‘Tahap Daftar Pemandahan’ (‘RTL’) ialah abstraksi reka bentuk yang memodelkan litar digital segerak dari segi aliran isyarat digital antara daftar perkakasan dan operasi logik yang dilakukan pada isyarat tersebut. 3. ‘Piawaian Pangkalan Data Geometri II’ (‘GDSII’) ialah format fail pangkalan data untuk pertukaran data litar bersepadu atau karya | Pengawal” |

| <i>Kod Kategori</i> | <i>Perihal Barang</i> | <i>Nota</i> | <i>Pihak Berkuasa yang Berkenaan</i> |
|---------------------|-----------------------|----------------------------------|--------------------------------------|
| | | seni susun atur litar bersepadu. | |

- (F) berkenaan dengan Kod Kategori 3E001, dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal, dengan menggantikan perkataan “ ‘Kit Reka Bentuk’ (‘PDK)’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 3E001 Nota 3, ‘Kit Reka Bentuk’ (‘PDK)’ ”; dan
- (G) berkenaan dengan Kod Kategori 3E002, dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal, dengan menggantikan perkataan “ ‘Unit pemproses vektor’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 3E002.a, ‘unit pemproses vektor’ ”;
- (v) berhubung dengan Kategori 4 – Komputer—
- (A) berkenaan dengan Kod Kategori 4, dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal, dengan menggantikan perkataan ‘ “Storan utama” ’ dengan perkataan “Bagi maksud Nota 2, ‘storan utama’ ” ;
- (B) berkenaan dengan Kod Kategori 4A004, dalam ruang Nota—
- (i) dalam Nota Teknikal 1, dengan menggantikan perkataan ‘ “Komputer tatasusunan sistolik” ’ dengan perkataan “Bagi maksud 4A004.a, ‘komputer tatasusunan sistolik’ ”;
- (ii) dalam Nota Teknikal 2, dengan menggantikan perkataan ‘ “Komputer neural” ’ dengan perkataan “Bagi maksud 4A004.b, ‘komputer neural’ ”; dan

- (iii) dalam Nota Teknikal 3, dengan menggantikan perkataan ‘ “Komputer optik” ’ dengan perkataan “Bagi maksud 4A004.c., ‘komputer optik’ ”;
- (C) berhubung dengan Kod Kategori 4D001, dalam subbutiran b.1, dalam ruang Perihaln Barang, dengan menggantikan perkataan “15 Weighted TeraFLOPS (WT)” dengan perkataan “24 Weighted TeraFLOPS (WT)”;
- (D) berhubung dengan Kod Kategori 4E001, dalam subbutiran b.1, dalam ruang Perihaln Barang, dengan menggantikan perkataan “15 Weighted TeraFLOPS (WT)” dengan perkataan “24 Weighted TeraFLOPS (WT)”;
- (vi) berhubung dengan Kategori 5 – Telekomunikasi dan “Keselamatan Maklumat”—
 - (A) berkenaan dengan Kod Kategori 5A001, dalam ruang Nota—
 - (i) dalam Nota Teknikal, dalam subsubbutiran b.5.b, dengan menggantikan perkataan “ ‘Masa pensuisan saluran’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 5A001.b.5.b., ‘masa pensuisan saluran’ ”;
 - (ii) dalam Nota Teknikal, dalam butiran c, dengan menggantikan perkataan “ ‘Ujian Bukti’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 5A001.c., ‘ujian bukti’ ”; dan
 - (iii) dalam Nota Teknikal, dalam butiran g, dengan menggantikan perkataan “Pemancar bukan radar” dengan perkataan “Bagi maksud 5A001.g., pemancar bukan radar”;

- (B) berkenaan dengan Kod Kategori 5A002, dalam ruang Nota—
- (i) dalam Nota Teknikal, dalam Nota 2.a.1.b, dengan menggantikan perkataan “ ‘Data Peribadi’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 5A002.a. Nota 2.a.1.b.1., ‘data peribadi’ ”;
 - (ii) dalam Nota 2.a.2, dengan menggantikan perkataan “ ‘Pembaca/penulis’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 5A002.a. Nota 2.a.1.b.2., ‘pembaca/penulis’ ”;
 - (iii) dalam Nota Teknikal, dalam Nota 2.b, dengan menggantikan perkataan “ ‘Urus niaga wang’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 5A002.a. Nota 2.b., ‘urus niaga wang’ ”;
 - (iv) dalam Nota Teknikal 1, dalam Nota 2.j, dengan menggantikan perkataan ‘ “Aplikasi industri awam yang berhubung” ’ dengan perkataan “Bagi maksud 5A002.a. Nota 2.j., ‘aplikasi industri awam yang berhubung’ ”;
 - (v) dalam Nota Teknikal 2, dalam Nota 2.j, dengan menggantikan perkataan ‘ “Data tidak sebarang” ’ dengan perkataan “Bagi maksud 5A002.a. Nota 2.j.1.a.1., ‘data tidak sebarang’ ”;
 - (vi) dalam Nota Teknikal, dalam butiran b, dengan menggantikan perkataan “ ‘Token pengaktifan kriptograf’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 5A002.b., ‘token pengaktifan kriptograf’ ”; dan

- (vii) dalam Nota Teknikal, dalam butiran c, dengan menggantikan perkataan “ ‘Kriptografi kuantum’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 5A002.c., “kriptografi kuantum” ”; dan
- (C) berkenaan dengan Kod Kategori 5A004, dalam ruang Nota—
- (i) dalam Nota Teknikal, dalam butiran a, dengan menggantikan perkataan “ ‘Fungsi kriptanalisis’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 5A004.a., ‘fungsi kriptanalisis’ ”; dan
 - (ii) dalam Nota Teknikal, dalam subbutiran b.1, dengan menggantikan perkataan “ ‘Mendapatkan data mentah’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 5A004.b.1., ‘mendapatkan data mentah’ ”;
- (vii) berhubung dengan Kategori 6 – Penderia dan laser—
- (A) berkenaan dengan Kod Kategori 6A001, dalam ruang Nota—
- (i) dalam Nota Teknikal 1, dalam subsubsubbutiran a.1.a.1, dengan menggantikan perkataan “ ‘Resolusi bunyi’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 6A001.a.1.a.1.c., ‘resolusi bunyi’ ”;
 - (ii) dalam Nota Teknikal 2, dalam subsubsubbutiran a.1.a.1, dengan menggantikan perkataan “ ‘Peningkatan’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 6A001.a.1.a., ‘peningkatan’ ”;

- (iii) dengan menggantikan butiran yang berikut:

“Nota Teknikal:

Kadar tekanan penderia akustik menentukan kadar kedalaman peralatan yang dinyatakan dalam 6A001.a.1.a.2.”

dengan butiran yang berikut:

“Nota Teknikal:

Bagi maksud 6A001.a.1.a.2., kadar tekanan penderia akustik menentukan kadar kedalaman peralatan.”;

- (iv) dalam Nota Teknikal, dalam subsubsubbutiran a.1.a.2, dengan menggantikan perkataan “ ‘Kadar bunyi’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 6A001.a.1.a.2.a.2., ‘kadar bunyi’ ”;

- (v) dalam Nota Teknikal 1, dalam subsubsubbutiran a.1.a.3, dengan menggantikan perkataan “ ‘Kadar kawasan liputan’ (m^2/s)” dengan perkataan “Bagi maksud 6A001.a.1.a.3., ‘kadar kawasan liputan’ (m^2/s)”;

- (vi) dalam Nota Teknikal, dalam subsubsubbutiran a.1.c.1, dengan menggantikan perkataan “ ‘Medan-bebas Tahap Sumber (SL_{RMS})’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 6A001.a.1.c.1., ‘medan-bebas Tahap Sumber (SL_{RMS})’ ”;

- (vii) dalam Nota Teknikal 1, dalam subsubbutiran a.2.a, dengan menggantikan perkataan “Hidrofon” dengan perkataan “Bagi maksud 6A001.a.2.a., hidrofon”;
- (viii) dalam Nota Teknikal 2, dalam subsubbutiran a.2.a, dengan menggantikan perkataan “Bagi maksud 6A001.a.2.a., transduser akustik bawah air” dengan perkataan “Transduser akustik bawah air”;
- (ix) dalam Nota Teknikal 1, dalam subsubsubbutiran a.2.a.3, dengan menggantikan perkataan “ Unsur penderiaan ‘saput polimer piezoelektrik’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 6A001.a.2.a.3.b., unsur penderiaan ‘saput polimer piezoelektrik’ ”;
- (x) dalam Nota Teknikal 2, dalam subsubsubbutiran a.2.a.3, dengan menggantikan perkataan “ Unsur penderiaan ‘komposit piezoelektrik fleksibel’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 6A001.a.2.a.3.c., unsur penderiaan ‘komposit piezoelektrik fleksibel’ ”;
- (xi) dalam Nota Teknikal 3, dalam subsubbutiran a.2.a, dengan menggantikan perkataan “ ‘Kepekaan hidrofon’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 6A001.a.2.a., ‘kepekaan hidrofon’ ”;

- (xii) dalam Nota Teknikal 1, dalam subsubbutiran a.2.g, dengan menggantikan perkataan “Penderia hidro-akustik berasaskan meter pecut” dengan perkataan “Bagi maksud 6A001.a.2.g., penderia hidro-akustik berasaskan meter pecut”; dan
 - (xiii) dalam Nota Teknikal 2, dalam subsubbutiran a.2.g, dengan menggantikan perkataan “ ‘Kepekaan pecutan’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 6A001.a.2.g.2., ‘kepekaan pecutan’ ”;
- (B) berkenaan dengan Kod Kategori 6A002, dalam ruang Nota—
- (i) dalam Nota Teknikal, dalam subbutiran a.2, dengan menggantikan perkataan “ ‘Pendaraban cas’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 6A002.a.2., ‘pendaraban cas’ ”;
 - (ii) dalam Nota Teknikal, dalam subbutiran a.3, dengan menggantikan perkataan “Tatasusunan pengesan unsur berbilang linear atau dua dimensi” dengan perkataan “Bagi maksud 6A002.a.3., tatasusunan pengesan unsur berbilang linear atau dua dimensi”;
 - (iii) dalam Nota Teknikal, dalam Nota 2.c.2.a, dalam subbutiran a.3, dengan menggantikan perkataan “Mekanisme pengehad tindak balas” dengan perkataan “Bagi maksud 6A002.a.3. Nota 2.c.2.a., mekanisme pengehad tindak balas”;

- (iv) dalam Nota Teknikal, dalam butiran c, dengan menggantikan perkataan “ ‘Pandang terus’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 6A002.c., ‘pandang terus’ ”; dan
 - (v) dalam Nota Teknikal, dalam butiran f, dengan menggantikan perkataan “ ‘Bacaan litar bersepadu’ (‘ROIC’)” dengan perkataan “Bagi maksud 6A002.f., ‘Bacaan Litar Bersepadu’ (‘ROIC’)”;
- (C) berkenaan dengan Kod Kategori 6A003, dalam ruang Nota—
- (i) dalam Nota Teknikal 1, dalam subbutiran b.1, dengan menggantikan perkataan “catatan ini” dengan perkataan “6A003.b.1.”;
 - (ii) dalam Nota Teknikal 2, dalam subbutiran b.1, dengan menggantikan perkataan “catatan ini” dengan perkataan “6A003.b.1.b.3.”;
 - (iii) dalam Nota Teknikal 1, dalam subbutiran b.4, dengan menggantikan perkataan “ ‘Medan-Pandang-Seketika (IFOV)’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 6A003.b.4. Nota 3.b.1, ‘Medan-Pandang-Seketika (IFOV)’ ”; dan
 - (iv) dalam Nota Teknikal 2, dalam subbutiran b.4, dengan menggantikan perkataan “ ‘Pandang terus’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 6A003.b.4. Nota 3.b.3., ‘pandang terus’ ”;

(D) berkenaan dengan Kod Kategori 6A004, dalam ruang Nota—

(i) dalam subbutiran a.1, dengan menggantikan Nota Teknikal dengan nota teknikal yang berikut:

“Nota Teknikal:

Bagi maksud 6A004.a.1.:

“Cermin boleh ubah bentuk” adalah cermin mempunyai mana-mana yang berikut:

1. a. Satu permukaan reflektif optik berterusan yang berubah bentuk secara dinamik oleh aplikasi tork individu atau tenaga untuk mengimbangi herotan dalam bentuk gelombang optik terhadap cermin tersebut; atau
- b. Unsur-unsur reflektif optik yang boleh disusun semula secara individu dan dinamik dengan menggunakan tork atau daya untuk mengimbangi gangguan dalam bentuk gelombang optik pada cermin.
2. “Cermin boleh ubah” juga dikenali sebagai cermin optik adaptif.”;

- (ii) dalam Nota Teknikal 1, dalam butiran e, dengan menggantikan perkataan “ ‘Unsur optik asfera’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 6A004.e., ‘unsur optik asfera’ ”; dan
 - (iii) dalam Nota Teknikal 2, dalam butiran e, dengan menggantikan perkataan “Pengilang” dengan perkataan “Bagi maksud 6A004.e.2., pengilang”;
- (E) berkenaan dengan Kod Kategori 6A005—
- (i) dalam ruang Nota, dalam Nota 2, dalam Nota Teknikal, dengan menggantikan perkataan “ ‘Denyut tak-berulang’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 6A005 Nota 2, ‘denyut tak-berulang’ ”;
 - (ii) dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal, dengan menggantikan perkataan “Dalam 6A005 ‘kecekapan palam dinding’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 6A005, ‘kecekapan palam dinding’ ”;
 - (iii) dalam ruang Perihaln Barang, dalam subsubsubbutiran b.3.a.2, dengan menggantikan perkataan “50W” dengan perkataan “80 W”;
 - (iv) dalam ruang Perihaln Barang, dengan menggantikan subsubbutiran d.1.a dengan subsubbutiran yang berikut:
 - “a. “Laser” semikonduktor mod melintang-tunggal individu yang mempunyai mana-mana yang berikut:

1. Panjang gelombang sama dengan atau kurang daripada 1,570 nm dan purata atau kuasa output CW, melebihi 2.0 W; atau
 2. Panjang gelombang lebih daripada 1,570 nm dan purata atau kuasa output CW, melebihi 500 mW”;
- (v) dalam ruang Nota, dalam subsubbutiran d.1.e, dengan menggantikan perkataan “Nota Teknikal:” dengan perkataan yang berikut:
- “Nota Teknikal:
- Bagi maksud 6A005.d.1.e.”;
- (vi) dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal, dalam subsubbutiran d.5.c, dengan menggantikan perkataan “ ‘Laser pindah’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 6A005.d.5.c., ‘laser pindah’ ”;
- (vii) dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal, dalam subbutiran e.1, dengan menggantikan perkataan “ ‘Penyejukan aktif’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 6A005.e.1., ‘penyejukan aktif’ ”; dan
- (viii) dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal, dalam butiran g, dengan menggantikan perkataan “ ‘Peralatan pengesanan akustik laser’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 6A005.g., ‘peralatan pengesanan akustik laser’ ”;

- (F) berkenaan dengan Kod Kategori 6A008, dalam ruang Nota—
- (i) dalam Nota Teknikal, dalam butiran b, dengan menggantikan perkataan “ ‘Frekuensi operasi pusat’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 6A008.b., ‘frekuensi operasi pusat’ ”;
 - (ii) dalam Nota Teknikal, dalam butiran e, dengan menggantikan perkataan “Pengimbas elektronik pelbagai antena” dengan perkataan “Bagi maksud 6A008.e., pengimbas elektronik pelbagai antena”;
 - (iii) dalam Nota Teknikal, dalam subbutiran l.1, dengan menggantikan perkataan ‘ “Penjejakan sasaran automatik” ’ dengan perkataan “Bagi maksud 6A008.l.1., ‘penjejakan sasaran automatik’ ”; dan
 - (iv) dalam Nota Teknikal, dalam subbutiran l.4, dengan menggantikan perkataan “Sensor” dengan perkataan “Bagi maksud 6A008.l.4., sensor”;
- (G) berkenaan dengan Kod Kategori 6B007, dalam ruang Perihaln Barang, dengan menggantikan perkataan “lebih baik” dengan perkataan “kurang (lebih baik)”;
- (H) berkenaan dengan Kod Kategori 6C002, dalam ruang Nota, dalam subbutiran b.1, dengan menggantikan perkataan “ ‘Pecahan mol’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 6C002.b.1., ‘pecahan mol’ ”;
- (I) berkenaan dengan Kod Kategori 6C005, dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal 1, dengan menggantikan perkataan “6C005” dengan perkataan “6C005.b.1.b.”;

- (J) berkenaan dengan Kod Kategori 6D003, dalam Nota Teknikal, dalam subsubbutiran h.2.b, dengan menggantikan perkataan “ ‘Purata paras cuping sisi’ dalam 6D003.h.2.b.” dengan perkataan “Bagi maksud 6D003.h.2.b., ‘purata paras cuping sisi’ ”; dan
 - (K) berkenaan dengan Kod Kategori 6E003, dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal, dengan menggantikan perkataan “ ‘Ketebalan optik’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 6E003.a.1., ‘ketebalan optik’ ”;
- (viii) berhubung dengan Kategori 7 – Navigasi dan avionik—
- (A) berkenaan dengan Kod Kategori 7A003, dalam ruang Nota—
 - (i) dengan memotong Nota 1;
 - (ii) dengan memotong Nota 2;
 - (iii) dengan memotong Nota Teknikal;
 - (iv) dengan memasukkan selepas butiran yang berikut:

“N.B.: LIHAT JUGA 7A103.”

butiran yang berikut:

“Nota: 7A003 tidak terpakai bagi ‘peralatan atau sistem pengukuran inersia’ yang disahkan untuk digunakan pada “pesawat udara awam” pihak berkuasa penerbangan awam daripada satu

atau lebih Negara-Negara Anggota EU
atau Negara-Negara yang Menyertai
Pengaturan Wassenaar.

Nota Teknikal:

1. Bagi maksud 7A003, 'peralatan atau sistem pengukuran inersia' menggabungkan meter pecut atau giroskop untuk mengukur perubahan halaju dan orientasi untuk menentukan atau mengekalkan arah atau kedudukan tanpa memerlukan rujukan luar setelah sejajar. 'Peralatan atau sistem pengukuran inersia' termasuklah:
 - Sistem Rujukan Atitud dan Pengepalaan (AHRs);
 - Kompasgiro;
 - Unit Pengukuran Inersia (IMUs);
 - Sistem Navigasi Inersia (INSs);
 - Sistem Rujukan Inersia (IRSs);
 - Unit Rujukan Inersia (IRUs).

2. Bagi maksud 7A003, 'rujukan bantuan kedudukan' menyediakan kedudukan secara bebas, dan termasuklah:
 - a. "Sistem satelit navigasi";
 - b. "Navigasi Rujukan Berasaskan Data" ("DBRN").";

- (v) dalam Nota Teknikal, dalam butiran a, dengan menggantikan perkataan “Parameter prestasi dalam 7A003.a.1., 7A003.a.2. dan 7A003.a.3.” dengan perkataan “Bagi maksud 7A003.a.1., 7A003.a.2. dan 7A003.a.3., parameter prestasi”; dan
- (vi) dalam Nota Teknikal, dalam butiran b, dengan menggantikan perkataan “7A003.b.” dengan perkataan “Bagi maksud 7A003.b., catatan ini”;
- (B) berkenaan dengan Kod Kategori 7A004, dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal, dengan menggantikan perkataan “ ‘Pengesasan bintang’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 7A004.a., ‘pengesasan bintang’ ”;
- (C) berkenaan dengan Kod Kategori 7A006, dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal, dengan menggantikan perkataan “ ‘Pengurusan kuasa’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 7A006.a., ‘pengurusan kuasa’ ”;
- (D) berkenaan dengan Kod Kategori 7B001, dalam ruang Nota, dengan menggantikan perkataan “Nota Teknikal:” dengan perkataan yang berikut:

“Nota Teknikal:

Bagi maksud 7B001:”;
- (E) berkenaan dengan Kod Kategori 7D002, dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal, dengan menggantikan perkataan “ ‘AHR’S’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 7D002, ‘AHR’S’ ”;

- (F) berkenaan dengan Kod Kategori 7D004, dalam ruang Nota, dengan menggantikan perkataan “program” dengan perkataan ‘ “program” ’;
- (G) berkenaan dengan Kod Kategori 7E004, dalam ruang Nota—
- (i) dalam Nota Teknikal, dalam subbutiran a.5, dengan menggantikan perkataan “ ‘Kawalan penerbangan utama’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 7E004.a.5., ‘kawalan penerbangan utama’ ”;
 - (ii) dalam Nota Teknikal, dalam subbutiran a.6, dengan menggantikan perkataan “ ‘Tatasusunan sensor optik kawalan penerbangan’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 7E004.a.6., ‘tatasusunan sensor optik kawalan penerbangan’ ”;
 - (iii) dalam Nota Teknikal, dalam subsubbutiran b.7.a, dengan menggantikan perkataan “ ‘Gelung dalaman’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 7E004.b.7.a., ‘gelung dalaman’ ”;
 - (iv) dalam Nota Teknikal, dalam subsubsubbutiran b.7.b.2, dengan menggantikan perkataan “ ‘Perubahan abnormal dalam keadaan pesawat’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 7E004.b.7.b.2., ‘perubahan abnormal dalam keadaan pesawat’ ”;
 - (v) dalam Nota, dalam butiran b, dengan menggantikan perkataan “program” perkataan ‘ “program” ’; dan

- (vi) dalam Nota Teknikal, dalam subbutiran c.3, dengan menggantikan perkataan “ ‘Kerajang udara geometri boleh ubah’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 7E004.c.3., ‘kerajang udara geometri boleh ubah’ ”;
- (ix) berhubung dengan Kategori 8 – Marin—
 - (A) berkenaan dengan Kod Kategori 8A001, dalam ruang Perihaln Barang, dengan memasukkan selepas subsubbutiran c.1.b, butiran yang berikut:
 - “c. Data optik tanpa wayar atau pautan perintah melebihi 1,000 m;”;
 - (B) berkenaan dengan Kod Kategori 8A002—
 - (i) dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal, dalam subbutiran a.4, dengan menggantikan perkataan “Objektif 8A002.a.4.” dengan perkataan “Bagi maksud 8A002.a.4., catatan ini”;
 - (ii) dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal, dalam subbutiran i.2, dengan menggantikan perkataan “Hanya fungsi yang mempunyai kawalan gerakan berkadaran berkaitan” dengan perkataan “Bagi maksud 8A002.i.2., hanya fungsi yang mempunyai kawalan gerakan berkadaran berkaitan”;
 - (iii) dalam ruang Perihaln Barang, dalam subsubbutiran o.2.b, dengan menggantikan perkataan “enjin” dengan perkataan “motor”;

- (iv) dalam ruang Perihalalan Barang, dalam subsubbutiran o.2.c, dengan menggantikan perkataan “Enjin pendorongan “superkonduktif” atau enjin pendorongan elektrik magnet kekal,” dengan perkataan “Motor pendorongan “superkonduktif”,”;
 - (v) dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal, dalam subsubbutiran o.3.b, dengan menggantikan perkataan “ ‘Sistem pengurangan atau pembatalan hingar aktif’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 8A002.o.3.b., ‘sistem pengurangan atau pembatalan hingar aktif’ ”;
 - (vi) dalam ruang Perihalalan Barang, dengan memasukkan selepas subbutiran o.3 subbutiran yang berikut:
 - “4. Motor pendorong elektrik magnet kekal yang direka khas untuk kenderaan selam, mempunyai output kuasa melebihi 0.1 MW;” dan
 - (vii) dalam ruang Nota, dalam subbutiran o.4 yang baharu, dengan memasukkan nota yang berikut:
 - “Nota: 8A002.o.4. termasuk sistem pendorongan dipacu rim.”;
- (C) berkenaan dengan Kod Kategori 8C001, dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal, dengan menggantikan perkataan “ ‘Busa sintak’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 8C001, ‘busa sintak’ ”; dan

(D) berkenaan dengan Kod Kategori 8E002, dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal, dalam subbutiran c.4, dengan menggantikan perkataan “ ‘Kapal luas satah air kecil’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 8E002.c.4., ‘kapal luas satah air kecil’ ”;

(x) berhubung dengan Kategori 9 – Aeroangkasa dan pendorong—

(A) berkenaan dengan Kod Kategori 9A001, dalam ruang Perihaln Barang—

(i) dengan menggantikan butiran a dengan butiran yang berikut:

“a. Menggabungkan mana-mana “teknologi” yang dinyatakan dalam 9E003.a., 9E003.h. atau 9E003.i.”; dan

(ii) dengan menggantikan butiran b dengan butiran yang berikut:

“b. Tidak digunakan”;

(B) berkenaan dengan Kod Kategori 9A003, dalam ruang Perihaln Barang, dengan menggantikan perkataan “9E003.a., 9E003.h. atau 9E003i.” dengan perkataan “9E003.a., 9E003.h., 9E003.i. atau 9E003.k.”;

(C) berkenaan dengan Kod Kategori 9A007, dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal, dengan menggantikan perkataan “ ‘Ikatan mekanikal kuat’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 9A007.e., ‘ikatan mekanikal kuat’ ”;

(D) berkenaan dengan Kod Kategori 9A008, dalam ruang Nota—

(i) dalam Nota Teknikal, dalam butiran a, dengan menggantikan perkataan “ ‘Ikatan mekanikal kuat’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 9A008.a., ‘ikatan mekanikal kuat’ ”; dan

(ii) dalam Nota Teknikal, dalam butiran b, dengan menggantikan perkataan “ ‘Nisbah kecekapan struktur (PV/W)’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 9A008.b., ‘nisbah kecekapan struktur (PV/W)’ ”;

(E) berkenaan dengan Kod Kategori 9A115, dalam ruang Nota, dengan menggantikan Nota Teknikal dengan nota teknikal yang berikut:

“Nota Teknikal:

1. Bagi maksud 9A115.a., ‘misil’ bererti sistem roket lengkap dan sistem kenderaan udara awasan automatik, yang berkeupayaan untuk terbang melepasi julat melebihi 300 km.
2. Kelengkapan dan peranti yang dinyatakan dalam 9A115.a. termasuk pesawat yang dikendalikan oleh manusia atau kenderaan udara automatik.”;

(F) berkenaan dengan Kod Kategori 9B005, dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal, dalam bagi butiran a, dengan menggantikan perkataan “ ‘Saiz bahagian ujian’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 9B005.a. Nota, ‘saiz bahagian ujian’ ”;

- (G) dikenakan dengan Kod Kategori 9E001, dalam ruang Perihaln Barang, dengan memotong perkataan “9A001.b.”;
- (H) dikenakan dengan Kod Kategori 9E002, dalam ruang Perihaln Barang, dengan memotong perkataan “9A001.b.”;
- (I) dikenakan dengan Kod Kategori 9E003—
 - (i) dalam ruang Perihaln Barang, dengan memasukkan selepas subsubbutiran a.2.d subsubbutiran yang berikut:

“e. Menggunakan proses ‘pembakaran berpunca tekanan’ ”;

- (ii) dengan memasukkan dalam ruang Nota yang terdapat bersetentangan dengan subsubbutiran a.2.e yang baharu dalam ruang Perihaln Barang, nota teknikal yang berikut:

“Nota Teknikal:

Bagi tujuan 9E003.a.2.e., dalam proses ‘pembakaran berpunca tekanan’, purata pukal bagi tekanan genang di laluan keluar pembakar adalah lebih besar daripada purata pukal bagi tekanan genangan di laluan masuk pembakar disebabkan oleh proses pembakaran, terutamanya apabila enjin berjalan dalam operasi “mod keadaan mantap”.”;

- (iii) dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal 1, dalam subbutiran a.2, dengan menggantikan perkataan “ ‘Pelapik terpisah secara termal’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 9E003.a.2.a., ‘pelapik terpisah secara termal’ ”;

- (iv) dalam ruang Nota, dalam subbutiran a.2, dengan memasukkan selepas Nota Teknikal 1 nota teknikal yang berikut:
 - “2. Bagi maksud 9E003.a.2.d., ‘suhu keluar pembakar’ ialah purata pukal suhu jumlah laluan gas (genangan) antara satah keluar pembakaran dan tepi hadapan ram pemandu masuk turbin (iaitu, diukur pada enjin stesen T40 seperti yang ditakrifkan dalam SAE ARP 755A) apabila enjin beroperasi dalam “mod keadaan mantap” operasi pada suhu operasi berterusan maksimum yang disahkan.”;

- (v) dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal, dalam subsubbutiran a.3.c, dengan menggantikan perkataan “ ‘Saluran pemisah’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 9E003.a.3.c., ‘saluran pemisah’ ”;

- (vi) dengan menggantikan Nota Teknikal, dalam ruang Nota, dalam subbutiran a.5 dengan nota teknikal yang berikut:

“Nota Teknikal:

Bagi maksud 9E003.a.5., ‘suhu laluan gas’ ialah purata suhu jumlah laluan gas (genangan) pada satah hadapan komponen turbin apabila enjin sedang bergerak dalam operasi ‘mod keadaan mantap’ pada suhu maksimum berterusan operasi yang disahkan.”;

- (vii) dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal, dalam subbutiran a.8, dengan menggantikan perkataan “ ‘Komponen ‘tahan kerosakan’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 9E003.a.8., komponen ‘tahan kerosakan’ ”;

- (viii) dengan dengan menggantikan Nota Teknikal 4, dalam ruang Nota, dalam butiran c, dengan nota teknikal yang berikut:

“4. Bagi maksud 9E003.c., kaedah untuk pembuatan lubang dalam 9E003.c. termasuklah kaedah pemesinan alur ‘laser’, pemesinan jet air, pemesinan Elektro-Kimia (ECM) atau pemesinan Nyahcas Elektrik (EDM).”;

- (ix) dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal, dalam butiran e, dengan menggantikan perkataan “ ‘Isipadu kotak’ dalam 9E003.e.” dengan perkataan “Bagi maksud 9E003.e., ‘isipadu kotak’ dalam 9E003.e.”;
- (x) dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal, dalam butiran g, dengan menggantikan perkataan “ ‘Enjin diesel output tinggi’ ” dengan perkataan “Bagi maksud 9E003.g., ‘enjin diesel output tinggi’ ”;
- (xi) dalam ruang Perihaln Barang, dengan memasukkan selepas butiran j butiran yang berikut:

“k. "Teknologi", tidak dinyatakan dalam 9E003.a., 9E003.h., atau 9E003.i., "diperlukan" untuk "pembangunan" mana-mana komponen atau sistem berikut, yang direka khas untuk enjin turbin gas aero untuk membolehkan “pesawat” untuk menjajap pada Mach 1 atau lebih tinggi selama lebih daripada 30 minit:

1. Sistem laluan masuk pendorongan;
2. Sistem ekzos pendorongan;
3. ‘Sistem pemanasan semula’;
4. ‘Sistem pengurusan termal aktif’ digunakan bagi menyesuaikan cecair yang digunakan untuk melincirkan

atau menyejukkan 'penyokong rotor enjin';

5. 'Penyokong rotor enjin' bebas minyak; atau
6. Sistem yang digunakan untuk membebaskan haba melalui proses 'sistem mampatan' gas teras.'; dan

(xii) dengan memasukkan dalam ruang Nota yang terdapat bersetentangan dengan butiran k yang baharu dalam ruang Perihalán Barang, butiran yang berikut:

"Nota Teknikal:

Bagi maksud 9E003.k.:

1. Sistem laluan masuk pendorongan meliputi aliran teras pra-pendingin.
2. 'Sistem pemanasan semula' memberikan tujahan tambahan melalui pembakaran bahan api dalam ekzos dengan/atau aliran pintasan hiliran pada peringkat terakhir jentera turbo. 'Sistem pemanasan semula' juga dirujuk sebagai pembakar lanjut.
3. 'Sistem pengurusan termal aktif' menggunakan kaedah selain daripada penyejukan pasif minyak ke udara atau

minyak ke bahan api, seperti sistem kitaran wap.

